

Century Total sasar perolehan tumbuh 10 peratus tahun ini

KUALA LUMPUR – Century Total Logistics Sdn. Bhd. (Century Total) menjangkakan perolehan syarikatnya berkembang sebanyak 10 peratus pada tahun kewangan berakhir tahun ini berbanding RM256 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Steven Teow berkata, misi tersebut mampu direalisasikan walaupun terpaksa berhadapan persekitaran pasaran yang agak mencabar.

"Untuk memperoleh pertumbuhan berterusan, kami telah mengenal pasti beberapa bidang utama dalam pasaran domestik dan sejauh itu bagi memacu fasa seterusnya.

"Selain itu, kami memu-

lakan perkhidmatan berkualiti dan mempraktikan amalan-amalan terbaik dalam usaha menjadi penyedia perkhidmatan logistik bertauilah pertama di negara ini.

"Dengan memiliki kapasiti kewangan yang kukuh, kami kini dalam usaha untuk meneruskan pelan pelaburan dalam membangunkan infrastruktur teknologi maklumat terkini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Century Total merupakan anak syarikat milik penuh Century Holdings Logistics Bhd. (Century).

Century merupakan salah sebuah syarikat logistik terbesar yang tersenarai di Bur-

sa Malaysia dengan modal pasaran melebihi RM300 juta.

Ia memberi perkhidmatan khusus dalam penyelesaian rantaian bekalan logistik, logistik minyak dan gas serta perkhidmatan logistik perolehan.

Selain itu, Steven menerangkan, syarikat bakal menyertai Pameran Logistik dan Pengangkutan ASEAN 2014 yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 25 September ini bertempat di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia Mines, Seri Kembangan dekat sini.

Menurutnya, ia merupakan petanda baik untuk meningkatkan peranan dan sumbangan industri logistik terhadap ekonomi negara.



CENTURY TOTAL berada dalam landasan yang baik untuk mengukuhkan jenama dan penguasaan pasarannya melalui strategi aktif yang dirancangnya selama ini.